

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

27.11.2015

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bayaran penalti sebanyak RM53.7 juta oleh AMMB Holdings Bhd kepada Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan contoh yang baik bahawa tiada tolak ansur bagi mereka yang melanggar peraturan.

Menurut pengumuman syarikat, AMMB bersetuju untuk membayar penalti sebanyak RM53.7 juta kepada BNM. Penalti tersebut melibatkan tindakan di bawah Seksyen 234 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 245 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 berikutan kegagalan AmBank dan AmBank Islamic mematuhi peraturan tertentu. Selain itu, AMMB juga akan memperuntukkan purata RM25 juta setahun selama empat tahun bagi pelaburan dalam sistem, infrastruktur dan latihan untuk mengelak daripada keadaan sama berulang pada masa depan dan memastikan Kumpulan AMMB berada pada kedudukan baik bagi pertumbuhan masa depannya.

Penalti tersebut yang mewakili 3% daripada keuntungan bersih bagi tahun kewangan 2015 akan mengurangkan jumlah pegangan tunai Kumpulan.

Namun mengapa pemegang saham minoriti yang menerima hukuman?

Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan Kanan perlu dipertanggungjawabkan bagi kesalahan dan kegagalan dalam sistem ini. Oleh itu, mereka perlu dipertanggungjawabkan oleh pihak kawal selia sama ada dari segi pemotongan yuran pengarah, dan/atau denda, dan/atau sekatan daripada melaksanakan tugas bagi satu tempoh tertentu dalam industri kewangan. Ini bukan sahaja akan memberikan lebih fokus kepada penalti yang dikenakan malah akan menjadi penghalang kepada kesalahan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam industri yang sangat penting seperti sektor perbankan dan kewangan.

Lembaga Pengarah juga perlu menanggung akibat daripada perkara ini dan meletakkan jawatan kerana ia telah jelas gagal dalam tanggungjawabnya untuk melindungi syarikat, terutamanya kepentingan pemegang saham minoriti.

Jumlah sebanyak RM100 juta yang akan dibelanjakan oleh AmBank dalam tempoh empat tahun yang akan datang untuk memperbaiki proses dan standard tadbir urus korporat, walaupun merupakan tindakan yang membina namun mengakibatkan kemusnahan (dari segi nilai).

Oleh itu, Ketua Pegawai Eksekutif AMMB Holdings yang baru dilantik berkuasa 23 November yang lalu perlu membuktikan bahawa beliau dapat bertindak serta-merta serta membuktikan bahawa prinsip-prinsip tadbir urus korporat dan protokol Bank adalah utuh berikutan kejadian yang telah mencalarakan reputasi Kumpulan AMMB.

Salam,
Rita


KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

INDEKS HARGA PENGGUNA MALAYSIA OKTOBER 2015

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Oktober 2015 naik sebanyak 2.5% kepada 114.1 berbanding dengan 111.3 pada bulan yang sama tahun lepas. Kenaikan IHP didorong oleh peningkatan bagi indeks kumpulan Minuman Alkohol & Tembakau iaitu sebanyak 13.3%; Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (+5.8%); Kesihatan dan Restoran & Hotel masing-masing sebanyak 4.7%; Makanan & Minuman Bukan Alkohol (+4.7%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isirumah (+3.8%). Kesemua enam kumpulan barangan dan perkhidmatan tersebut yang mempunyai wajaran 47.4 menyumbang sebanyak 99.3% kepada kenaikan IHP pada Oktober 2015. Selain itu, nilai indeks keseluruhan ini juga dipengaruhi oleh peningkatan kumpulan Komunikasi (+3.3%); kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api sebanyak 2.7% dan Pendidikan (+2.5%).

Pada keseluruhannya, indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (wajaran: 30.3) meningkat 4.7% pada asas tahun ke tahun bagi Oktober 2015. Manakala, indeks kumpulan Bukan Makanan (wajaran: 69.7) pula mencatatkan kenaikan sebanyak 1.5% (Carta 1).

Perbandingan bulan ke bulan, IHP bagi bulan Oktober 2015 naik sebanyak 0.4%. IHP bagi tempoh sepuluh bulan pertama 2015 mencatatkan kenaikan sebanyak 2.0% berbanding tempoh yang sama tahun lepas.



[Sumber: Siaran akhbar di laman web Jabatan Perangkaan Malaysia pada 20 November 2015]

SENARAI PEMANTAUAN MSWG

MELEWAR INDUSTRIAL GROUP BERHAD (“MIGB”) / M3ENERGYBERHAD (“M3ENERGY”)

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mendakwa bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Melewar Industrial Group Berhad, dan dua individu lain atas kesalahan dagangan orang dalam. Datuk Lim Kim Chuan, 56, dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur kerana memperoleh 398,000 unit saham M3nergy Berhad antara 6 Ogos 2008 dan 11 September 2008, ketika memiliki maklumat penting bukan awam.

SC mendakwa maklumat penting bukan awam yang disebutkan dalam pertuduhan adalah berkaitan dengan Tawaran Pengambilalihan Sukarela Bersyarat oleh Melewar Equities (BVI) Limited, pemegang saham utama Melewar Industrial Group Berhad untuk memperoleh saham-saham M3nergy. Pemerolehan saham-saham ini telah diumumkan kepada Bursa Malaysia pada 12 September 2008. Lim yang juga bekas pengarah M3nergy Berhad menghadapi sejumlah 11 pertuduhan di bawah CMSA. Lim dikatakan telah memperoleh saham-saham tersebut melalui akaun Tay Hup Choon dan Theng Boon Neoh. Tay Hup Choon, 47, seorang warganegara Singapura dan Theng Boon Cheng @ Tan Boon Cheng, 57, dituduh bersubahat dengan Lim dalam pelakuan kesalahan tersebut.

Pertuduhan bagi dagangan orang dalam di bawah seksyen 188(2) CMSA 2007 boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM1 juta.

[Sumber: Siaran akhbar SC di laman web SC pada 24 November 2015]

AMMB HOLDINGS BERHAD (“AMMB”)

AMMB telah mengumumkan bahawa sebagai satu Kumpulan, ia telah bersetuju untuk membayar penalti sebanyak RM53.7 juta kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

Penalti tersebut melibatkan tindakan di bawah Seksyen 234 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 245 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 berikutan kegagalan AmBank dan AmBank Islamic mematuhi peraturan tertentu.

Kumpulan AmBank turut memulakan semakan sendiri dan telah bekerjasama dengan BNM berhubung perkara itu termasuk mengemukakan maklumat sewajarnya. Semakan in juga turut membawa kepada pengukuhan struktur tadbir urus secara berterusan

Ia menyatakan bahawa penalti ini tidak memberi sebarang kesan material kepada pendapatan Kumpulan AmBank bagi tahun kewangan 2016

Kumpulan AmBank Group berkata bahawa ia mengambil aspek tanggungjawab pematuhan secara serius dan bersetuju dengan program empat tahun BNM bagi mencapai amalan terbaik pasaran. Melangkah ke hadapan, Kumpulan telah bersetuju dengan BNM bahawa Kumpulan akan memperuntukkan purata sebanyak RM25 juta setahun selama empat tahun bagi pelaburan dalam sistem, infrastruktur dan latihan. Siri pendekatan ini akan memantapkan lagi kelancaran proses kumpulan, pelaporan serta meningkatkan struktur tadbir urus bagi mengelak keadaan sama berulang pada masa depan. Ia juga

memastikan Kumpulan AmBank Group berada pada kedudukan yang baik bagi pertumbuhan masa depannya.

[Sumber: Pengumuman AMMB di laman web Bursa Malaysia pada 23 November 2015]

EVERGREEN FIBREBOARD BERHAD (“EFB”)

Lembaga Pengarah EFB mengumumkan bahawa EFB bercadang untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Cadangan Penempatan Persendirian sehingga 51,297,800 saham biasa baharu sebanyak RM0.25 sesaham di dalam EFB (“Saham EFB”), mewakili sehingga 10% modal saham yang diterbitkan dan berbayar EFB (tidak termasuk saham perbendaharaan); dan
2. Cadangan Terbitan Bonus sehingga 282,137,900 saham baharu EFB (“Saham Bonus”) yang akan dikreditkan sebagai berbayar penuh atas asas 1 Saham Bonus bagi setiap 2 Saham EFB yang dipegang selepas Cadangan Penempatan Persendirian.

[Sumber: Pengumuman EFB di laman web Bursa Malaysia pada 20 November 2015]

CHINA AUTOMOBILE PARTS HOLDINGS LIMITED (“CAP”)

Lembaga Pengarah CAP mengumumkan bahawa Tetuan BDO telah meletakkan jawatan sebagai juruaudit syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 menerusi surat mereka bertarikh 20 November 2015.

Lembaga Pengarah turut mengumumkan bahawa Tetuan PKF telah dicalonkan sebagai juruaudit syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Perlantikan Tetuan PKF sebagai juruaudit yang baharu menggantikan juruaudit yang meletakkan jawatan adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang saham.

[Sumber: Pengumuman CAP di laman web Bursa Malaysia pada 20 November 2015]

BERITA DAN PERKEMBANGAN TEMPATAN

268 recommendations in third series of 2014 auditor-general's report

<http://www.nst.com.my/news/2015/11/113308/268-recommendations-third-series-2014-auditor-generals-report>

Ire-Tex's board did not approve plant, machinery upgrade's budget, says investigative report

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/ire-texs-board-did-not-approve-plant-machinery-upgrades-budget-says-investigative-report>

What makes a good chairman?

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/11/21/What-makes-a-good-chairman/?style=biz>

Malaysia October inflation at 2.5pc, slightly lower than forecast

<http://www.themalaymailonline.com/money/article/malaysia-october-inflation-at-2.5pc-slightly-lower-than-forecast>

Malaysian Economic Indicators: Leading, Coincident & Lagging Indexes September 2015

https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemByCat&cat=82&bul_id=NEVNNGZGR2IOTzJaRVgwc0JmcDdsZz09&menu_id=YmJrMEFKT0p0WUIxbDl1bzZydW9JQT09

Be cautious of small caps run on Bursa

<http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2015/11/23/Be-cautious-of-small-caps-run-on-Bursa/?style=biz>

BERITA DAN PERKEMBANGAN GLOBAL

US Federal Reserve signals December rate rise more likely

<http://www.bbc.com/news/business-34863241>

How Demographics Rule the Global Economy

<http://www.wsj.com/articles/how-demographics-rule-the-global-economy-1448203724>

Gender pay gap almost unchanged, says ONS

<http://www.bbc.com/news/business-34855056>

Monetary policy risks becoming ineffective in low growth world: ECB Coeure

<http://www.reuters.com/article/2015/11/21/us-eurozone-economy-surplus-idUSKCN0TA0WB20151121#L3It7DFVWDFJ8dtO.97>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Melewar Industrial Group Berhad, M3nergy Berhad and China Automobile Parts Holdings Limited.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.